

SN (Sinar Harian) Rabu 3/9/08 - P 8 P 2
27 pelajar UMP serta iprogram komuniti

KUANTAN – Seramai 27 pelajar subjek Tamadun Islam dan Asia (TITAS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan program komuniti bagi menabur bakti bagi memastikan hubungan antara mahasiswa dengan penduduk sentiasa terjalin erat.

Program komuniti yang juga untuk melengkapkan sistem markah bagi peperiksaan akhir semester bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar melaksanakan tanggungjawab kepada komuniti, malah mengajar mereka kehidupan di kawasan kampung.

Projek wajib bagi pelajar yang mengikuti mata pelajaran TITAS bakal menjadi pemangkin kepada mereka untuk menjadikan amalan gotong-royong sebagai sebahagian daripada kehidupan.

Ketua projek, Ronald Atorm, berkata, program ini memberi makna besar kepada pelajar bukan sahaja sekadar melengkapkan tugas semata-mata, tetapi mampu menerapkan semangat cintakan alam sekitar.

Katanya, projek ini juga berjaya

menerapkan sikap sukarela di kalangan pelajar sekali gus mencerminkan identiti sebenar iaitu mahasiswa yang dinamik seperti mana menjadi hasrat kerajaan.

“Ini peluang terbaik kepada pelajar untuk menabur bakti kepada komuniti melalui gerak kerja seperti gotong-royong di samping berusaha untuk mendapat keputusan cemerlang dalam pelajaran.

“Bukan sahaja untuk melengkapkan kursus semata-mata tetapi ini langkah yang diambil UMP untuk mengajar mahasiswa mereka supaya sentiasa berhubung dengan dunia luar terutamanya dengan masyarakat kampung.

“Semua ini memberi kebaikan kepada pelajar selain memberi pengajaran bahawa di samping perlu mempelajari ilmu pengetahuan, pelajar juga harus mendalami cara interaksi yang baik dengan orang luar,” katanya ketika ditemui **Sinar Harian**.

Hadir sama dalam program yang berlangsung di Kampung Sungai Rimau di sini, Ahli Parlimen Paya



Abdul Manan (tengah) bergambar bersama sebahagian 27 pelajar dan penduduk.

Besar, Datuk Abdul Manan Ismail selain mendapat kerjasama daripada 23 penduduk menjayakan gotong-royong di sekitar balai raya dan surau kawasan berkenaan.

Ronald memberitahu, kerjasama yang diberikan penduduk tempatan sangat baik sehingga telah memudahkan segala urusan pelajar yang mana

memberikan manfaat kepada mereka semua.

“Kami mendapat kerjasama yang baik daripada penduduk setempat. Ini jelas menunjukkan bahawa penduduk tempatan sentiasa menyambut baik kehadiran orang luar untuk menjayakan sebarang aktiviti di kawasan mereka,” katanya.